45/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Ogos
2009
2 Jam

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# PENILAIAN MENENGAH RENDAH
# NEGERI PERAK
# 2009

## PENDIDIKAN ISLAM

## KERTAS 1

Dua jam

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** *bahagian :* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**

2. *Jawab* **satu** *soalan daripada* **Bahagian A** *dan semua soalan daripada* **Bahagian B**. *Kesemua* **lima** *soalan mesti dijawab.*

3. *Soalan hendaklah dijawab pada kertas yang disediakan*

**Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.**

Bahagian A
[ 20 *markah* ]

*Bahagian ini mengandungi* **dua** *soalan. Jawab* **satu** *soalan sahaja.*

1. (a) Firman Allah Taala:

> تُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِۖ وَتُخۡرِجُ ٱلۡحَيَّ مِنَ ٱلۡمَيِّتِ وَتُخۡرِجُ ٱلۡمَيِّتَ مِنَ
> ٱلۡحَيِّۖ وَتَرۡزُقُ مَن تَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ﴿٢٧﴾ (سورة أل عمران : 27)

Ayat di atas menjelaskan, Allah SWT Maha Berkuasa ke atas semua makhluk di alam ini.

(i) Senaraikan **dua** kekuasaan Allah SWT dalam ayat di atas. [2 *markah*]

(ii) برداسركن أية , ڽاتاكن ڤڠرتين كلمة يڠ بركاريس. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** ciri manusia yang akan berjaya di akhirat. [2 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** hikmat kejadian siang dan malam kepada manusia. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

> عَنْ أَبِىْ بَكَر رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلي الله عليه وسلم قَالَ : أُغْدُ عَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا أَوْ
> مُسْتَمِعًا أَوْ مُحِبًّا وَ لاَ تَكُنِ الخَامِسَةَ فَتَهْلِكْ ( رواه الطبراني )

Berdasarkan hadis di atas :

(i) Nyatakan **dua** ciri ilmu yang berguna. [2 *markah*]

(ii) Berdasarkan hadis di atas jelaskan **dua** kesan buruk orang yang mengabaikan ilmu pengetahuan [4 *markah*]

(c) Tulis petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

> (i) **Islam telah memperkenalkan perlembagaan** yang menjamin keadilan dan (ii) **kesaksamaan sejagat secara teori** dan praktikal. (iii) **Rakyat yang berbilang bangsa,** pelbagai agama dan ideologi (iv) **diberi hak bersuara menuntut** keadilan.

[4 *markah*]

2. (a) Firman Allah Taala:

قَالَا رَبَّنَا ظَلَمْنَآ أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

(سورة الأعراف : 23)

Ayat di atas melarang manusia melakukan kezaliman sesama makhluk.

(i) Apakah yang dimaksudkan zalim terhadap diri sendiri? [2 *markah*]

(ii) برداسركن اية , ڤاتاكن ڤغرتين كلمة يڠ بركاريس. [2 *markah*]

(iii) Senaraikan **dua** langkah untuk mendapatkan keampunan Allah SWT. [4 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** cara yang anda lakukan untuk mendapat rahmat Allah SWT. [2 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي يَعْلَى شَدَّادِ بنْ أَوْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ : إِنَّ اللهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوْا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذِّبْحَةَ وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِحْ ذَبِيْحَتَهُ ( رواه مسلم )

(i) Berdasarkan hadis di atas, nyatakan maksud ihsan terhadap binatang. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** kepentingan melakukan ihsan terhadap binatang. [4 markah]

(c) Tulis petikan di bawah menggunakan tulisan jawi .

Persahabatan yang tidak berpandukan peraturan syarak, akan membawa kepada perpecahan dan keburukan kepada diri kita.

[4 markah]

Bahagian B
[ 80 markah ]
Jawab **semua** soalan

3 (a) Beriman kepada Allah SWT adalah salah satu daripada rukun iman.

(i) Apakah yang dimaksudkan beriman kepada Allah SWT? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** akibat tidak mempercayai rukun iman. [4 *markah*]

(b) Wahyu Allah SWT dikenali dengan nama kitab dan suhuf.

(i) Apakah maksud suhuf? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** hujah al-Quran sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad SAW. [4 *markah*]

(iii) Jelaskan kesan beriman dengan al-Quran. [2 *markah*]

(c) Qadak bermaksud ketentuan Allah SWT yang azali terhadap semua makhluk.

(i) Nyatakan jenis-jenis Qadak. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** hikmah beriman kepada Qadak dan Qadar . [4 *markah*]

4 (a) Bersuci adalah asas kebersihan.

(i) Nyatakan **tiga** bahan untuk bersuci. [3 *markah*]

(b) Istinjak ialah membersihkan qubul dan dubur selepas membuang air besar atau kecil dengan menggunakan alat tertentu.

(i) Nyatakan **dua** cara istinjak. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** bahan yang haram digunakan untuk istinjak. [2 *markah*]

(c) (i) Jadual di bawah menunjukkan jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat.

| | **Harta diwajibkan zakat** |
|---|---|
| 1 | |
| 2 | Hasil pertanian |
| 3 | Emas, perak dan matawang |
| 4 | |
| 5 | |

Lengkapkan jadual di atas. [3 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kebaikan Allah SWT menetapkan asnaf yang berhak menerima zakat. [4 *markah*]

(iii) Cadangkan **dua** cara anda meningkatkan kesedaran umat Islam mengeluarkan zakat harta. [2 *markah*]

(d) Nyatakan hukum ibadah dalam situasi yang berikut:

(i) Ahmad membasuh seluarnya yang terkena najis anjing dengan enam kali basuhan air biasa. [1 *markah*]

(ii) Abu bertayammum untuk menunaikan solat maghrib sebelum masuk waktunya. [1 *markah*]

(iii) Khatib di Taman Ria membaca khutbah Jumaat dengan hanya membaca satu potongan dari ayat al- Quran. [1 *markah*]

(iv) Amin menunaikan ibadat puasa ramadan tanpa bersahur. [1 *markah*]

5 (a) Daya kepimpinan Rasulullah SAW telah terbukti semasa berada di Madinah.

(i) Nyatakan golongan yang telah membantu perjuangan Rasulullah SAWdi Madinah. [1 *markah*]

(ii) Senaraikan **tiga** pengorbanan yang dilakukan oleh mereka. [3 *markah*]

(iii) Jelaskan asas persaudaraan dan perpaduan Islam seperti yang diamalkan oleh golongan itu. [2 *markah*]

(b) Saidatina Khadijah bt Khuwailid ialah isteri pertama Rasulullah SAW.

(i) Berapakah usianya ketika berkahwin dengan Rasulullah SAW? [1 *markah*]

(ii) Apakah kerjaya Saidatina Khadijah RA? [1 *markah*]

(iii) Nyatakan **dua** sifat peribadi Saidatina Khadijah RA. [2 *markah*]

(iv) Jelaskan **dua** sumbangan Saidatina Khadijah RA dalam penyebaran Islam. [4 *markah*]

(c) Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah mengikut tertibnya seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor potongan ayat sahaja.

(i)

(1) وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ

(2) قُلِ ٱللَّهُمَّ مَـٰلِكَ ٱلْمُلْكِ تُؤْتِى ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ

(3) وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ بِيَدِكَ ٱلْخَيْرُ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ

[3 *markah*]

(ii)

(1) وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ

(2) وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

(3) فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ

[3 *markah*]

6. (a) Setiap umat Islam yang melakukan ibadat adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

(i) Nyatakan **dua** adab ketika beribadat yang dimakbulkan oleh Allah SWT. [4 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** kelebihan kepada individu muslim yang memelihara adab-adab ketika mengerjakan ibadat kepada Allah SWT. [4 *markah*]

(b) Kawan yang buruk akhlaknya boleh mempengaruhi kawannya melakukan perkara-perkara yang tidak baik.




Berpandukan gambar di atas jawab soalan berikut :

(i) Jelaskan **dua** keburukan, jika memilih kawan yang buruk akhlaknya. [4 *markah*]

(ii) Bagaimanakah anda boleh mengekalkan persahabatan yang baik dan diredai Allah SWT? [2 *markah*]

(c) Islam amat menitikberatkan persoalan adab ketika bertutur atau berucap dalam sesuatu majlis.



Salmah sedang berucap dalam majlis sambutan hari guru.

(i) Apakah ciri utama majlis yang baik? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** adab ketika berucap dalam majlis yang boleh menarik perhatian kepada pendengarnya. [4 *markah*]



KERTAS SOALAN TAMAT